



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

SELASA, 10 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

10/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>DASAR, PELAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DIRANGKA UNTUK TINGKAT AKSESIBILITI PERKHIDMATAN</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1162815/dasar-pelan-perkhidmatan-kaunseling-dirangka-untuk-tingkat">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1162815/dasar-pelan-perkhidmatan-kaunseling-dirangka-untuk-tingkat</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70736-kesihatan-mental-kpwkm-perkasa-peranan-kaunselor">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70736-kesihatan-mental-kpwkm-perkasa-peranan-kaunselor</a>	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>WOMEN'S MINISTER WANTS GOVERNMENT TO PRIORITISE CARE ECONOMY</b>	
	<a href="https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2023/10/09/women039s-minister-wants-government-to-prioritise-care-economy">https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2023/10/09/women039s-minister-wants-government-to-prioritise-care-economy</a>	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>MALAYSIA CARE ECONOMY FORUM: NATIONAL WOMEN'S DAY 2023</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=JgcEHI7KSfw">https://www.youtube.com/watch?v=JgcEHI7KSfw</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>JKM MOHON KESAN WARIS ENAM INDIVIDU</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/jkm-mohon-kesan-waris-enam-individu/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/jkm-mohon-kesan-waris-enam-individu/</a>	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>GURU DENGAN DUA ANAK OKU, BUNTU HADAPI MASALAH KEWANGAN</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/guru-dengan-dua-anak-oku-buntu-hadapi-masalah-kewangan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/guru-dengan-dua-anak-oku-buntu-hadapi-masalah-kewangan/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/283379/edisi/melaka-ns/sharifah-nor-aini-buntu-selepas-dibuang-kerja">https://www.sinarharian.com.my/article/283379/edisi/melaka-ns/sharifah-nor-aini-buntu-selepas-dibuang-kerja</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>BUAT PELBAGAI KERJA SARA ANAK HIDAP LEUKIMIA</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/10/09/buat-pelbagai-kerja-sara-anak-hidap-leukimia/">https://www.kosmo.com.my/2023/10/09/buat-pelbagai-kerja-sara-anak-hidap-leukimia/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>BELANJAWAN 2024: BERI TUMPUAN KEPADA PEMBANGUNAN MADRASAH TAHFIZ - YAYASAN PINTA</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2024-beri-tumpuan-kepada-pembangunan-madrasah-tahfiz-yayasan-pinta-440941">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2024-beri-tumpuan-kepada-pembangunan-madrasah-tahfiz-yayasan-pinta-440941</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/yayasan-pinta-mohon-bajet-adil-untuk-institusi-tahfiz/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/yayasan-pinta-mohon-bajet-adil-untuk-institusi-tahfiz/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>BAPA TIGA ANAK DIDENDA RM2,500, MENGAKU TAK TAHAN LIHAT TUBUH WANITA</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/10/09/bapa-tiga-anak-didenda-rm2500-mengaku-tak-tahan-lihat-tubuh-wanita/">https://www.kosmo.com.my/2023/10/09/bapa-tiga-anak-didenda-rm2500-mengaku-tak-tahan-lihat-tubuh-wanita/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/10/09/gangguan-seksual-pemotong-rumput-didenda-rm2500/">https://malaysiagazette.com/2023/10/09/gangguan-seksual-pemotong-rumput-didenda-rm2500/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



UKK KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>ASAP BERKEPUL KELUAR DARI TINGKAT BERHAMPIRAN PENYAMAN UDARA</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/asrama-madrasah-musnah-dalam-kebakaran-2/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/asrama-madrasah-musnah-dalam-kebakaran-2/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>GRO KAHWIN LELAKI TEMPATAN!</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1017985/gro-kahwin-lelaki-tempatan">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1017985/gro-kahwin-lelaki-tempatan</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>DUA TERMASUK WANITA WARGA ASING DITAHAN KES LETUPAN DI FLAT</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/283397/berita/semasa/dua-termasuk-wanita-warga-asing-ditahan-kes-letupan-di-flat">https://www.sinarharian.com.my/article/283397/berita/semasa/dua-termasuk-wanita-warga-asing-ditahan-kes-letupan-di-flat</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/lelaki-wanita-warga-asing-ditahan-insiden-letupan-ied-di-flat/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/lelaki-wanita-warga-asing-ditahan-insiden-letupan-ied-di-flat/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>WANITA DITAHAN CUBA TETAK ADIK DENGAN PEDANG</b>	
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/09/wanita-ditahan-cuba-tetak-adik-dengan-pedang/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/09/wanita-ditahan-cuba-tetak-adik-dengan-pedang/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/283392/berita/semasa/berang-ditegur-wanita-ugut-tetak-adik-dengan-pedang">https://www.sinarharian.com.my/article/283392/berita/semasa/berang-ditegur-wanita-ugut-tetak-adik-dengan-pedang</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/berang-ditegur-wanita-ugut-tetak-adik-dengan-pedang-441019">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/berang-ditegur-wanita-ugut-tetak-adik-dengan-pedang-441019</a>	ASTROAWANI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	ACT MEDAN TERBAIK PERSIAP SKUAD HOKI WANITA	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/arena/hoki/2023/10/1018019/act-medan-terbaik-persiap-skuad-hoki-wanita">https://www.hmetro.com.my/arena/hoki/2023/10/1018019/act-medan-terbaik-persiap-skuad-hoki-wanita</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	IBU DAKWA ANAK DIBUANG PRASEKOLAH TANPA SEBAB MUNASABAH	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1162764/ibu-dakwa-anak-dibuang-prasekolah-tanpa-sebab-munasabah">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1162764/ibu-dakwa-anak-dibuang-prasekolah-tanpa-sebab-munasabah</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1018132/anak-cedera-dihempap-rim-ibu-bapa-tuntut-permohonan-maaf-ganti-rugi">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1018132/anak-cedera-dihempap-rim-ibu-bapa-tuntut-permohonan-maaf-ganti-rugi</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	AWANI PAGI: MEMAHAMI PSIKOLOGI KANAK-KANAK	
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/awani-pagi-x7ko8q/awani-pagi-memahami-psikologi-kanakkanak-x8ooh6n">https://www.astroawani.com/videos/awani-pagi-x7ko8q/awani-pagi-memahami-psikologi-kanakkanak-x8ooh6n</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
16	KERAJAAN PERLU TRANSFORMASI OKU	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/283249/berita/nasional/kerajaan-perlu-transformasi-oku">https://www.sinarharian.com.my/article/283249/berita/nasional/kerajaan-perlu-transformasi-oku</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	MILIKI WANG SECARA TIDAK SAH, WANITA WARGA EMAS DIDENDA RM500	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/09/miliki-wang-secara-tidak-sah-wanita-warga-emas-didenda-rm500">https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/09/miliki-wang-secara-tidak-sah-wanita-warga-emas-didenda-rm500</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

10/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	<b>OKU DIDAKWA ROGOL, AMANG SEKSUAL PELAJAR 13 TAHUN</b>	
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/09/oku-didakwa-rogol-amang-seksual-pelajar-13-tahun/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/09/oku-didakwa-rogol-amang-seksual-pelajar-13-tahun/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70742-pertuduhan-rogol-dan-amang-seksual-remaja-oku-mengaku-tidak-bersalah">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70742-pertuduhan-rogol-dan-amang-seksual-remaja-oku-mengaku-tidak-bersalah</a>	BERITA.RTM.GOV.MY
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2023/10/964801/disabled-man-pleads-not-guilty-rape-and-physical-abuse-teenager">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2023/10/964801/disabled-man-pleads-not-guilty-rape-and-physical-abuse-teenager</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/10/09/remaja-lambam-berdepan-jel-60-tahun-rogol-amang-seksual-gadis-bawah-umur/">https://www.kosmo.com.my/2023/10/09/remaja-lambam-berdepan-jel-60-tahun-rogol-amang-seksual-gadis-bawah-umur/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	<b>WARGA EMAS MAUT KERETA BERTEMBUNG TRELER</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/warga-emas-maut-kereta-bersembung-treler-2/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/warga-emas-maut-kereta-bersembung-treler-2/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/283262/berita/semasa/warga-emas-maut-nahas-kereta-dengan-treler">https://www.sinarharian.com.my/article/283262/berita/semasa/warga-emas-maut-nahas-kereta-dengan-treler</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/10/09/warga-emas-maut-nahas-dua-kenderaan/">https://www.kosmo.com.my/2023/10/09/warga-emas-maut-nahas-dua-kenderaan/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/10/09/warga-emas-maut-dalam-nahas-membabitkan-treler/">https://malaysiagazette.com/2023/10/09/warga-emas-maut-dalam-nahas-membabitkan-treler/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

10/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
20	<b>WARGA EMAS MAUT DALAM NAHAS DUA KERETA DI SRI AMAN</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/09/warga-emas-maut-dalam-nahas-dua-kereta-di-sri-aman">https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/09/warga-emas-maut-dalam-nahas-dua-kereta-di-sri-aman</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://dayakdaily.com/warga-emas-maut-dua-orang-cedera-dalam-kemalangan-di-sri-aman/">https://dayakdaily.com/warga-emas-maut-dua-orang-cedera-dalam-kemalangan-di-sri-aman/</a>	DAYAKDAILY.COM
	<a href="https://tvstv.my/2023/10/09/warga-emas-maut-dua-cedera-kemalangan-di-jalan-sri-aman-betong/">https://tvstv.my/2023/10/09/warga-emas-maut-dua-cedera-kemalangan-di-jalan-sri-aman-betong/</a>	TVSTV,MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/kereta-bertembung-warga-emas-maut-di-jalan-sri-aman-betong/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/kereta-bertembung-warga-emas-maut-di-jalan-sri-aman-betong/</a>	UTUSAN.COM.MY



TAJUK : PERUNTUKAN M40, B40 WAJAR DIBERI SAMA RATA

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 10 OKT 2023

M/SURAT : 21

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Peruntukan M40, B40 wajar diberi sama rata

## Ekonomi semasa bebaskan ibu, bapa tunggal dan golongan tak dapat subsidi

Oleh Ercy Gracella Ajos  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Dengan keadaan ekonomi tidak menentu serta kenaikan harga barangan bukan hanya memberi tekanan kepada golongan B40, malah M40 terutama yang memegang status ibu dan bapa tunggal.

Apatah lagi dengan pelbagai komitmen khususnya untuk menyara keluarga membuatkan gaji diperoleh pasti tidak mencukupi.

Presiden Persatuan Wanita dan Ibu Tunggal Kuala Lumpur dan Selangor (WITUS), Shiella Tukimin, berkata golongan M40 tidak sepatutnya tersisih kerana ada antaranya tidak terlalu kaya dan masih perlu mendapatkan insentif dan subsidi bagi mengurangkan beban.

“Sekarang ini, barang asas digunakan setiap hari semakin mahal.

“Kalau semua hak dan subsidi bagi M40 juga disekat ia tambah menyukarkan mereka. Adakah kita mahu melihat M40 akan jatuh lebih teruk daripada B40?” katanya.

Justeru, beliau berpandangan supaya kerajaan memberikan layanan setara kepada M40 seperti B40 untuk sesetengah kes.

“Kalau kerajaan tetap mahu memutuskan memansuhkan peruntukan bagi kumpulan M40 seperti subsidi minyak secara bersasar, mungkin akan ada antara mereka rasa terkesan.

“Sedangkan mereka juga berjuang untuk bekerja untuk menyara keluarga, manakala yang bekerja sendiri atau berniaga tetap ada kekangan, tidak mustahil mereka akan jatuh lebih teruk daripada B40,” katanya.

Tambahnya, keadaan ekonomi sekarang amat membebaskan semua lapisan masyarakat lebih-lebih golongan yang tidak mendapat peruntukan atau subsidi daripada kerajaan.

Contohnya, kalau golongan M40 dapat gaji dalam RM5,400 hingga RM6,000 sebulan. Tapi komitmen mereka tinggi untuk ba-

yar kereta, rumah, untuk menyara keluarga, anak dan sebagainya, tetapi mereka tidak mendapat apa pun peruntukan yang sepatutnya untuk mereka. Ini sangat membebaskan.

“Berbeza dengan B40. Walaupun gaji mereka rendah daripada M40, mereka masih boleh menikmati pelbagai subsidi diberi kerajaan.

“Jadi saya berharap supaya kerajaan dapat memberikan peruntukan sama kepada M40. Mungkin boleh dikurangkan, tetapi jangan dimansuhkan.

“Jangan dinafikan hak kumpulan M40 sebab rata-rata rakyat di Malaysia ini sangat susah dan terbeban dengan ekonomi yang tidak stabil.

“Saya mohon supaya kerajaan lebih fokus membantu rakyat, supaya apa yang diberikan kepada masyarakat dapat dimanfaatkan oleh semua kategori,” katanya.

### Benar kerja dari rumah

Bekas Senator, Datuk Ras Adiba Radzi, berkata, ibu dan bapa tunggal perlu diberi perhatian dan sokongan lebih walaupun mereka dikategorikan dalam kelompok M40.

Katanya, sokongan perlu di-

berikan perhatian dengan kos sara hidup meningkat membuatkan gaji diperoleh tidak mencukupi.

“Saya rasa kita perlu beri mereka peluang sekurang-kurang untuk bekerja dari rumah (BDR) bagi membolehkan mereka menjaga anak mereka.

“Ada kalangan mereka ini mempunyai dua hingga tiga anak yang orang kurang upaya (OKU).

“Jadi, ini yang sedihnya. Kita perlu sokong mereka. Buat masa sekarang, miskin bandar atau miskin tegar sudah semakin ramai.

“Jadi, ada ibu dan bapa tunggal terpaksa jaga anak sama ada mempunyai anak OKU atau yang tiada,” katanya ditemui pada Festival Warga Emas, di sebuah pusat beli-belah, baru-baru ini.

Ras Adiba berkata, keadaan ekonomi sekarang berbeza dengan 10 tahun lalu, sekali gus perlu melihat semula kelompok ini terutama dengan pelbagai tekanan kehidupan hingga boleh berlaku masalah kesihatan mental, kemurungan dan sebagainya.

“Saya berharap kerajaan dapat memberikan peruntukan sama kepada M40. Mungkin boleh dikurangkan, tetapi jangan dimansuhkan”


Shiella Tukimin,  
Presiden WITUS



“Ibu dan bapa tunggal perlu diberi perhatian dan sokongan lebih walaupun mereka dikategorikan dalam kelompok M40”

Ras Adiba Radzi,  
Bekas Senator





TAJUK : RANGKA PELAN BAHARU ATASI ISU KECICIRAN PENDIDIKAN MURID MISKIN BANDAR

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 10 OKT 2023

M/SURAT : 12

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

# Rangka pelan baharu atasi isu keciciran pendidikan murid miskin bandar

- Golongan kanak-kanak keciciran pendidikan tidak semestinya berada di luar bandar, bahkan kini semakin ramai kelompok ini adalah daripada keluarga miskin bandar

- Kewujudan keluarga miskin bandar berpunca proses urbanisasi pesat di bandar menyebabkan berlaku migrasi besar-besaran penduduk luar bandar ke kawasan bandar



Oleh Dr Anuar Ahmad  
bhrencana@bh.com.my

Setiausaha Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan, Majlis Profesor Negara (MPN)

Kemiskinan adalah musuh utama kepada kemajuan pendidikan sesebuah negara. Kemiskinan berleluasa tanpa menggerakkan penyelesaian akan meningkatkan ketidakadilan pendidikan kepada kanak-kanak daripada keluarga miskin.

Oleh itu, usaha membasmi kemiskinan secara langsung akan membuka peluang lebih baik untuk memajukan pendidikan anak termasuk dalam golongan tidak berkemampuan.

Hasrat membasmi kemiskinan demi memastikan anak mendapat pendidikan baik adalah selari dengan Perkara 12

Perlembagaan iaitu tiada diskriminasi dalam mendapatkan peluang pendidikan bagi setiap warganegara.

Secara umum, ketidakadilan peluang pendidikan terhadap kanak-kanak berlaku di negara ini tidak begitu disadari. Hari ini, semua kanak-kanak dilihat mendapat peluang sama.

Bagaimanapun dalam keadaan 'tanpa sedar' atau disebabkan kealpaan merancang dasar pendidikan, ketidakadilan pendidikan berlaku sehingga boleh menyebabkan sebahagian kanak-kanak keluarga miskin terpinggir. Ini antara perkara seharusnya diberikan perhatian semua pihak berkaitan pendidikan negara.

Sebagai contoh, data dilaporkan Tabung Kanak-Kanak Pertumbuhan Bangsa Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia dalam kajian bertajuk *Families on the Edge (Issue 1), The Immediate Impact of The Movement Control Order Period* pada Ogos 2020 mengesahkan faktor kemiskinan menyebabkan banyak peluang kanak-kanak mendapat pendidikan tersekat.

Sepanjang COVID-19 menyerang negara dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksana-

kan, kadar perbelanjaan untuk tujuan pendidikan anak dalam kalangan isi rumah miskin dan B40 merosot sehingga 84 peratus berbanding kemerosotan terhadap bayaran sewa rumah sebanyak 39 peratus, perbelanjaan untuk pengangkutan keluarga merosot sebanyak 33 peratus dan kos makanan keluarga merosot sebanyak 4.0 peratus.

Kajian UNICEF ini mengesahkan apabila sesebuah keluarga miskin bandar dan berpendapatan rendah mengalami masalah kewangan, perkara paling terkesan ialah perbelanjaan pendidikan untuk anak. Akhirnya anak ini tidak mendapat peluang mendapatkan pendidikan sama rata seperti rakan sebaya mereka daripada kalangan keluarga berada.

Apakah ketika PKP dilaksanakan, negara bersedia untuk memastikan pendidikan anak miskin tidak terjejas teruk walaupun ibu bapa tidak mempunyai pendapatan?

Begitu juga dengan keputusan melaksanakan pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPR) secara dalam talian di seluruh negara pada Jun 2020, namun data dikutip Kementerian Pendidikan (KPM) pada 18 April 2020 mengesahkan kebanyakan murid dari keluarga miskin tidak mempunyai peranti dan akses internet untuk mengikuti PdPR dalam talian.

Akhirnya, murid daripada keluarga miskin tidak dapat menjalani PdPR secara dalam talian seperti rakan mereka dari keluarga mampu dan ramai ketinggalan dalam pelajaran, selain sebahagiannya keciciran. Kesan kemiskinan kepada sebenarnya sangat besar kepada kemajuan pendidikan anak.

Ramai kanak-kanak keluarga miskin keciciran dan tidak meneruskan persekolahan ketika pandemik disebabkan ibu bapa kehilangan pendapatan dan pekerjaan. Ibu bapa dari isi rumah miskin cenderung membuat keputusan mengurangkan perbelanjaan pendidikan untuk anak mereka.

Golongan kanak-kanak keciciran pendidikan

ini pula tidak semestinya berada di luar bandar, malah kini semakin ramai kelompok ini adalah daripada keluarga miskin bandar. Bayangkan, apabila penduduk bandar mencecah 75 peratus menjelang 2030, pasti isu kemiskinan bandar dan keciciran pendidikan akan menjadi antara masalah utama sistem pendidikan negara.

Kewujudan keluarga miskin bandar berpunca daripada proses urbanisasi pesat di bandar, menyebabkan berlakunya migrasi secara besar-besaran penduduk luar bandar ke kawasan bandar. Selain faktor kepesatan, perancangan lemah untuk menguruskan proses ini secara berkesan juga menyebabkan populasi penduduk di pambandaran menjadi tidak terancang.

Kesan urbanisasi tidak terancang ini akan melata kepada isu pendidikan kanak-kanak dalam keluarga miskin bandar. Bayangkan terdapat murid sekolah menengah mengambil keputusan berhenti sekolah semata-mata mahu bekerja mendapat upah harian di kedai, restoran dan kilang kecil di pinggir bandar dan bandar besar.

## Empat pelan tindakan

Bagi mengelakkan keciciran pembelajaran murid miskin di bandar pada masa depan, empat pelan tindakan boleh diambil kira kerajaan khususnya KPM.

- Pertama, merancang sistem pendidikan berkualiti dengan kos rendah untuk dinikmati anak keluarga miskin di bandar seperti penyediaan lebih banyak sekolah dan asrama harian baharu untuk mengurangkan kos pengangkutan anak ke sekolah.

- Pada masa sama, menyemak kembali dasar kelayakan asrama harian yang bukan sahaja disediakan untuk murid miskin tetapi juga jarak sekolah jauh dari rumah.

- Kedua, menyediakan peralatan pembelajaran termasuk peranti dan akses internet yang baik di setiap sekolah supaya murid daripada keluarga miskin mempunyai peluang belajar sama rata dengan murid keluarga berada.


- Ketiga, membangunkan sistem kepemimpinan pendidikan empati kepada keciciran pembelajaran dan melatih pentadbir pendidikan peringkat daerah serta pengurusan sekolah mempunyai kesedaran tinggi untuk membasmi keciciran pendidikan di kawasan kejiranan masing-masing.

- Keempat, kerajaan melalui KPM mewujudkan Tabung Peduli Pendidikan Negara bertujuan menyelamatkan anak berpotensi keciciran disebabkan kemiskinan keluarga. Peruntukan tabung ini selain disediakan kerajaan, turut dibuka untuk menerima sumbangan daripada swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan komuniti prihatin isu keciciran pendidikan anak keluarga miskin.

Data kajian pendidikan seluruh dunia boleh dijadikan panduan bahawa kemiskinan di bandar akan meningkatkan risiko keciciran pendidikan murid rentan. Akibat keciciran pendidikan ini, jurang kekayaan besar akan berlaku dalam kalangan masyarakat di bandar.

Tindakan mencegah jurang kekayaan di bandar ini daripada terus membesar perlu dilakukan melalui pemerkasaan pendidikan dalam kalangan murid miskin bandar. Ini memerlukan iltizam dan kerjasama semua pihak.





TAJUK : USAHA TERAKHIR TERPAKSA LELONG BAJU ELAK TERUS RUGI

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 10 OKT 2023

M/SURAT : 21

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

## Usaha terakhir terpaksa lelong baju elak terus rugi

**Gua Musang:** Seorang pengusaha pakaian terpaksa melelong semua baju kanak-kanak dan wanita serendah RM2 sehingga RM20 selepas perniagaan diusahakan itu tidak mendapat sambutan sejak hampir setahun lalu.

Noraini Ramelin, 40, yang membuka perniagaan dari rumahnya sejak lima tahun lalu melelong pakaian berkenaan bagi mengelak terus mengalami kerugian.

Katanya, usaha lelongan pakaian itu dimulakan sejak November tahun lalu dan hanya berhasil mendapat pulangan kira-kira RM500.

Jika dilelong semua dia menganggarkan nilai keseluruhan hampir RM10,000 dan masih terlalu jauh untuk mencapai sasaran itu.

"Saya terpaksa melakukan usaha terakhir ini hanya untuk mendapatkan pulangan modal selepas perniagaan tidak lagi memberangsangkan seperti dahulu.



Noraini sedang menyusun pakaian yang dijual di kediamannya di Taman Agropolitan Rantau Manis, Gua Musang. (Foto Paya Linda Yahya/BH)

"Sekarang saya sudah tidak mengharapkan untuk dapat untung, dapat balik modal pun sudah bersyukur sangat daripada terus rugi," katanya ketika ditemui di rumah di Taman Agropolitan Rantau Manis, di sini, baru-baru ini.

### Iklan di media sosial

Noraini berkata, pada awal perniagaannya semuanya berjalan lancar dan baju dijual mendapat sambutan menggalakkan, selain pernah berniaga di pasar malam.

"Sejak November tahun lalu jualan semakin berkurang dan gerai yang dibuka juga sudah tidak menerima pelanggan sehinggakan untuk modal minyak kereta ke tempat jualan juga terpaksa menggunakan kos sendiri.

"Memang dari awal mulakan perniagaan dari rumah dan membuka gerai pada setiap hujung minggu dan ketika musim perayaan.

"Dengan stok yang masih ba-


nyak ada kalanya saya buntu memikirkannya. Jadi ada juga saya iklankan di Facebook atau WhatsApp.

"Tapi sambutan masih perlahan dan masih banyak stok baju kanak-kanak dan wanita yang tidak terjual.

"Saya sudah tak kisah melelong pakaian dengan harga terendah, iaitu antara RM2 hingga RM20, asal sahaja mampu bertahan untuk kelangsungan hidup," kata ibu tiga anak berusia antara lapan hingga 11 tahun.

Tambahnya lagi, dia juga terdesak ingin menghabiskan semua stok pakaian yang dijualnya untuk menampung kos hidup keluarga yang semakin meningkat.

Malah, lebih menyedihkan apabila suaminya, Mohammad Nawi Mohamed Jam, 42, pula sudah hampir empat bulan tidak bekerja kerana mengalami masalah kesihatan dan tidak boleh melakukan kerja-kerja berat.



TAJUK : 'ARWAH AKTIF BERSUKAN'

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 OKT 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Nurul Hidayah  
Bahaudin  
[nurul.hidayah@hmetro.com.my](mailto:nurul.hidayah@hmetro.com.my)

### Kuala Lumpur

Peserta wanita kejohanan triathlon, Ironman Langkawi Malaysia, Muhaini Mahmud, sudah kerap menyertai kejohanan triathlon sejak beberapa tahun lalu.

Bekas suaminya, Rahman Husin berkata, Muhaini, 44, aktif melakukan aktiviti bersukan seperti renang dan berbasikal sejak tiga tahun lalu.

"Arwah memang kerap menyertai triathlon sejak beberapa tahun lalu. Namun bagi kejohanan Ironman, saya tidak tahu sama ada ini penyertaannya yang pertama atau sebaliknya.

"Sepanjang tempoh aktif menyertai triathlon, dia sering menjalani latihan dan tidak berdepan masalah kesihatan," katanya ketika ditemui di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, di sini, semalam.

Meskipun sudah berpisah, Rahman berkata, hubungan dengan bekas isterinya itu sentiasa baik dan mereka kerap berhubung bagi berbincang pelbagai perkara terutama mengenai anak, Mateen Malik yang berusia tujuh tahun.

**"Bagi saya arwah adalah seorang yang baik hati, ibu yang baik, selalu mengutamakan anak serta keluarga dan tidak pernah ragu-ragu untuk membantu rakan-rakan"**

JENAZAH Muhaini tiba di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang untuk dikebumikan.



## PESERTA IRONMAN LANGKAWI MENINGGAL DUNIA

# 'Arwah aktif bersukan'



RAHMAN hadir pada majlis pengebumian bekas isterinya.

"Kami kerap berhubung dan kali terakhir saya berhubung dengannya pada Jumaat lalu. Apabila dimaklumkan mengenai kejadian itu, saya panik dan terkejut.

"Bagi saya arwah adalah seorang yang baik hati, ibu yang baik, selalu mengutamakan anak serta keluarga dan tidak pernah ragu-ragu untuk membantu

rakan-rakan.

"Saya sudah memaklumkan mengenai pemergian arwah kepada anak dan dia memahami ibunya sudah tiada," katanya.

Jenazah Muhaini selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, di sini, jam 2.30 petang.


Terdahulu van membawa jenazah Muhaini tiba di

perkarangan tanah perkuburan itu jam 1.53 tengah hari. Kira-kira 100 orang terdiri daripada ahli keluarga, saudara-mara dan kenalan Allahyarhamah termasuk beberapa selebriti popular hadir di tanah perkuburan berkenaan.

Antaranya, Nora Danish bersama suami, Nedim Nazri Aziz; Datuk Jovian Mandagie serta isteri, Datin Nina Sabrina Ismail Sabri dan Dr Ahmad Idham Ahmad Nadzri.

Kelmarin, Muhaini dilaporkan meninggal dunia di Hospital Sultanah Maliha (HSM), Langkawi, Kedah.

Allahyarhamah yang juga Pengasas bersama platform penyediaan perkhidmatan penjagaan bayi, Kiddocare Sdn Bhd dikejarkan ke HSM selepas hampir lemas ketika disiplin renang, pagi Sabtu.



TAJUK : 'IKTIBAR SUKA CAKAP LUCAH'

HARI : SELASA

TARIKH : 10 OKT 2023

TONE : NEGATIF

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 12

SEKTOR : KPWKM



AFFAN didenda RM2,500 atas kesalahan mengaibkan kehormatan seorang juruwang kedai serbaneka pada Ogos lalu. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD

## PEMOTONG RUMPUT DIDENDA RM2,500

### 'Iktibar suka cakap lucah'

**Melaka:** Seorang pemotong rumput yang didenda RM2,500 oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh, semalam, selepas didapati bersalah berkata lucah terhadap juruwang kedai serbaneka mengatakan melakukannya kerana mungkin tergoda dengan tubuh juruwang berkenaan.

Terdahulu, Majistret Nabilah Nizam menjatuhkan hukuman itu ke atas Affan Razali, 31, selepas menerima pengakuan salah dan mensabitkan atas kesalahan.

Ketika ditanya Majistret, Affan berkata, kesalahan itu dilakukan mungkin ke-

rana dia tergoda melihat tubuh mangsa namun menyesali dan insaf atas perbuatannya.

Nabilah turut memerintahkan tertuduh dipenjarakan tambahan tiga bulan jika gagal membayar denda itu serta menasihatinya tidak mengulangi kesalahan.

"Semua orang tidak ber-setuju dengan kesalahan kamu lakukan ini, ambil iktibar sampai bila-bila.

"Kesalahan ini diambil berat oleh mahkamah kerana ia boleh menyumbang kepada jenayah seksual lain," kata Nabilah.

Mengikut pertuduhan, Affan dengan maksud me-

ngaibkan kehormatan didapati mengeluarkan kata-kata lucah terhadap seorang remaja perempuan berusia 19 tahun.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah kedai serbaneka di Jalan Kejora 2A, Taman Perindustrian, Tanjung Minyak Perdana, di sini, jam 4.14 pagi, 7 Ogos lalu.

Disebabkan itu, tertuduh melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 509 Kanun keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.



TAJUK : 'JENUHLAH DIA BELI BERAS'

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 OKT 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Redzuan  
Muharam  
redzuan.muharam@hmetro.com.my

# 'Jenuhlah dia beli beras'

*Sindiran terhadap isteri tak jadi kudis, malah pembakar semangat buat lelaki OKU*

## Manjung

"Bini (isteri) dia besar daripada dia...jenuh dia beli beras."

Itu satu daripada komen berbaur sindiran dilemparkan netizen kepada Muhammad Haris's Putra Muhammad Azizul Bahrin, 25, atau mesra disapa Haris selepas berkongsi gambar perkahwinannya dengan Arina Iznah Ahmad Rosidi, 23, yang bertubuh 'comel' di laman sosial.

Meskipun begitu, Haris yang juga orang kurang upaya (OKU) fizikal kerana kudung kaki kanan berkata, dia dan isteri tidak terkesan atau putus asa dengan komen dilemparkan, tetapi menganggap ia pembakar semangat untuk terus kuat dalam mencari rezeki.

"Takkan hanya disebabkan satu dua mulut kami akan terus putus asa sedangkan ramai lagi yang mendoakan kami suami isteri."

"Isteri pun baik-baik saja dan dia wanita yang sangat hebat saya pernah jumpa."

"Ia kerana sikapnya yang penyabar dan kuat sejak hari pertama saya kenal, kalau tidak, mana mungkin dia boleh terima saya dalam keadaan begini kan?" katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Ber cerita lanjut, Haris yang juga pengusaha kedai makan dan atlet angkat berat Perak berkata, dia diijabkabulkan dengan Arina Iznah pada 29 September lalu.

Menurutnya, mereka disatukan selepas lapan bulan bertunang.

"Saya dan isteri belajar di sekolah sama, tetapi tidak pernah bertegur cuma tahu kewujudan satu sama lain."

"Ditakdirkan kami berjumpa semula dan mula berkenalan Disember tahun lalu ketika saya membuat latihan sukan di Stadium Majlis Perbandaran Manjung (MPM) di Seri

Manjung, itu pun selepas saya menegurnya."

"Sebulan selepas berkenalan iaitu pada Januari lalu, keluarga mengambil keputusan untuk masuk meminang dan mesrisik isteri."

"Syukur, jo-

doh kami panjang hingga sah menjadi suami isteri," katanya.

Haris berkata, dia tidak mempunyai ramai kenalan perempuan, tapi terpikat dengan Arina Iznah selepas melihat aura

positif dan layanan baik isterinya itu terhadap ibu bapa serta adik-beradiknya.

"Alhamdulillah Arina (nama panggilan) wanita yang sangat baik dan menerima segala kekurangan diri saya, begitu juga keluarganya."

"Sejak awal perkenalan lagi isteri dan keluarganya berjumpa dengan saya, tetapi mereka tidak memandang serong kepada

saya. "Restu keluarga saya dan mentua sebenarnya yang membawa kami suami isteri ke tahap ini," katanya yang menjadi OKU selepas terabit kemalangan ketika berusia lima tahun.

Haris berharap, ikatan perkahwinannya dengan Arina Iznah sentiasa dalam keberkatan dan berkekalan hingga Jannah.

"Terima kasih banyak buat mereka yang mendoakan dan beri sokongan kepada kami suami isteri."

"Diharap doa yang baik berbalik kepada kalian juga dan terima kasih juga untuk yang komen negatif, semoga urusan hidup anda semua dipermudahkan Allah."

"Seperti pasangan lain, kami juga mengharap dikurniakan zuriat yang soleh dan solehah."

"Semoga perkahwinan kami ini sedikit sebanyak dapat membuka mata dan hati orang-orang di luar sana untuk menerima pasangan dengan hati terbuka walau macam mana mana rupa dan fizikal seseorang individu," katanya.



HARIS diijabkabulkan dengan Arina Iznah pada 29 September lalu.



TAJUK : IBU SEBAK TERIMA ANUGERAH ANUMERTA ARWAH ANAK

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 OKT 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

**Kuantan:** Hati seorang ibu bertukar sebak apabila menerima Anugerah Anumerta mewakili anaknya yang meninggal dunia pada Konvokesyen Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas) ke-44, di sini, kelmarin.

Hanizah Yunus, 58, mewakili anaknya, Wan Muhammad Zaki Wan Mamat, 22, yang meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya ketika menuju tempat kerja di Pasir Mas, Kelantan pada 18 September tahun lalu.

Menurutnya, sebagai ibu, dia amat berbangga dengan Wan Muhammad Zaki meskipun anaknya itu sudah tiada untuk merayakan hari penganugerahan berkenaan bersama keluarganya.

"Saya berbangga dengan arwah (Wan Muhammad Zaki) yang berusaha membela nasib keluarga dengan bekerja di kilang membuat sos dan kicap selepas menamatkan latihan industri di kilang yang sama. "Arwah menjadi hara-

## Ibu sebak terima anugerah Anumerta arwah anak



DR Asmadi (tengah) menyampaikan Anugerah Anumerta kepada Hanizah bagi pihak arwah anaknya pada Majlis Konvokesyen Polisas Ke-44 di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, kelmarin. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

pan keluarga, dia (Wan Muhammad Zaki) berjanji membela nasib keluarga selain mahu menghantar saya dan suami menunai-

kan haji suatu hari nanti," katanya yang tidak dapat menahan rasa sebak.

Hanizah yang ditemani anak saudaranya, Nur

Aisyah Mohd Nasir ditemui selepas menerima Anugerah Anumerta disampaikan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

(Baitulmal dan Operasi) Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip), Dr Asmadi Abdul Rahman.

Hadir sama, Pengarah Polisas Norehan Silek.

Menurutnya, kakinya menjadi tidak kuat ketika melangkah naik ke pentas untuk menerima Diploma Teknologi Makanan bagi pihak arwah yang bercita-cita mahu menjadi penetak lembu yang berjaya.


Katanya, arwah Wan Muhammad Zaki sebelum ini berjanji untuk membawa kami sekeluarga menyaksikan dia menerima diploma pada majlis konvokesyen, kelmarin yang begitu bermakna buat dirinya.

"Bagaimanapun, kami sekeluarga reda dengan ketentuan Ilahi. Memang kami ada rasa terkilan kerana arwah pernah berkongsi mengenai perancangannya untuk membela nasib keluarga yang kini

bergantung pada hasil kebun getah.

"Sebagai anak bongsu daripada tiga beradik, arwah begitu rapat dengan saya, dia menjadi harapan keluarga. Sebelum ini arwah pernah bertugas sebagai guru al-Quran di kampung," katanya yang menetap Kampung Teluk Bayu, Jeli, Kelantan.

**"Bagaimanapun, kami sekeluarga reda dengan ketentuan Ilahi. Memang kami ada rasa terkilan kerana arwah pernah berkongsi mengenai perancangannya untuk membela nasib keluarga yang kini bergantung pada hasil kebun getah"**



TAJUK : PEMUDA LEMBAM TAK MENGAKU NODA KENALAN

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 OKT 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## *Pemuda lembam tak mengaku noda kenalan*

**Muar:** "Saya dibuli, dia minta duit. Saya ada kad OKU (orang kurang upaya)," rayu pekerja kedai makan yang didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan merogol dan amang seksual fizikal kenalan bawah umur, bulan lalu.

Muhammad Zulfadhli Ahmad Rapi, 20, yang lembam pembelajaran bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap tiga pertuduhan yang dibaca di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa merogol mangsa berusia 13 tahun di sebuah rumah di sini jam 1 pagi, bulan lalu.

Berikutan itu, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan dengan

penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, dia didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa di tempat sama pada jam 10 malam pertengahan September lalu dan jam 11.15 malam 29 September lalu.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Ke-

salahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama, penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, tertuduh yang baru keluar dari hospital kelihatan berjalan dengan kaki kanannya berbalut akibat luka terpijak kaca.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.


Pihak pendakwaan memohon mahkamah tidak memberi ikat jamin memandangkan kesalahan dilakukan sangat serius yang membabitkan mangsa bawah umur.

Namun tertuduh dalam rayuan memohon jaminan dikurangkan memandangkan dia lembam serta anak yatim piatu.

Selepas mendengar hujah dan rayuan kedua-dua pihak, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan dan menetapkan syarat supaya melapor diri di Balai Polis Parit Jawa serta tidak mengganggu atau berhubung dengan mangsa.



MUHAMMAD Zulfadhli dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar.  
- Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI



TAJUK : TUKANG MASAK TAK MENGAKU SALAH

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 OKT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



CHEN Wei dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Muar.

## JERUT ISTERI HINGGA PENGSAH

# Tukang masak tak mengaku salah

Oleh Alias Abd Rani  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

### Muar

**T**ukang masak tidak mengaku salah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan mendatangkan kecederaan dengan menjerut leher isteri menggunakan tali hingga pengsan Rabu lalu.

Joseph Khoo Chen Wei, 33, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibaca jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret Fatin Dalilah Khalid.

Berdasarkan pertuduhan itu, dia didakwa sengaja menyebabkan kecederaan

terhadap isterinya, Ng Shwu Ling, 29, yang boleh dihukum mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama.

Bagi Seksyen 323, dia boleh dipenjarakan sehingga setahun atau denda RM2,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Seksyen 326A iaitu menyebabkan kecederaan kepada pasangan atau bekas pasangan, kanak-kanak dewasa tidak berupaya atau ahli keluarga boleh dikenakan hukuman penjara dua kali ganda tempoh maksimum yang boleh dikenakan atas sabitan bagi kesalahan itu mengikut seksyen yang re-

levan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM3,000 dengan seorang penjamin dan menetap syarat supaya melapor diri di balai berhampiran pada setiap sembilan hari bulan serta tidak boleh mengganggu atau berhubung dengan mangsa.

Mahkamah menetapkan 9 November depan sebutan kes, laporan perubatan serta lantikan peguam.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Asisten Superintendan Siti Rohayu Safih manakala tertuduh diwakili Nor Hafizah Abdullah dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan


(YBGK).

Dalam kejadian jam 12.30 tengah malam Rabu lalu, tertuduh naik angin terhadap isterinya selepas hanya diberikan RM100.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz, berkata keadaan itu menyebabkan suspek bertindak luar dugaan apabila mengambil tali lalu menjerut leher isterinya.

Pada masa sama, suspek turut menutup mulut mangsa hingga tidak sedarkan diri.

Mangsa kemudian menyelamatkan diri lalu ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar untuk membuat laporan polis.



TAJUK : MAN CHARGED WITH RAPE TELLS COURT HE WAS BULLIED BY VICTIM

HARI : SELASA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 10 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## PERSONS WITH DISABILITIES CARD HOLDER

# Man charged with rape tells court he was bullied by victim

**MUAR:** "I was bullied (by the victim). She asked for money. I am *lembap* (slow learner). I have a Persons with Disabilities card," pleaded a restaurant worker charged in the Sessions Court here yesterday with the rape and physical sexual abuse of an underage acquaintance last month.

The accused, Muhammad Zulfadhli Ahmad Rapi, 20, pleaded not guilty to the three charges read out by the court interpreter before judge Abu Bakar Manat.

According to the first charge, he allegedly raped the victim, 13, at a house at Jalan Temenggong Ahmad here about 1am early last month.

He is charged under Section 376(1) of the Penal Code, which carries a penalty of up to 20 years in prison and whipping.

On the second and third charges, he was accused of committing physical sexual abuse against the victim at the same location. The latter incidents occurred in mid-September, at 10pm and 11.15pm on Sept 29.

He is also charged with an of-

fence under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which carries the same penalty as Section 376(1).

Earlier, Zulfadhli, who had just been discharged from hospital, was seen limping due a leg injury.


Deputy public prosecutor Darnial Munir conducted the prosecution, while the accused was not represented.

The prosecution had earlier requested that the court not grant him bail, considering the severity of the offences.

The accused, in his appeal, requested for a reduction in bail due to him being handicapped and an orphan.

After hearing the arguments and appeals from both sides, the court granted a bail of RM8,000 on all three charges and imposed conditions that the accused must report to the Parit Jawa police station and not disturb or contact the victim.

The court set Nov 16 for case mention, document submission, and the appointment of the accused's lawyer.



TAJUK :	FAMILY FACING FINANCIAL DISTRESS RECEIVES RM5,000 FROM PERTUBUHAN KEBAJIKAN AMAL SHAN XIN MALAYSIA		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	10 OKT 2023	M/SURAT :	09
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Pertubuhan Kebajikan Amal Shan Xin Malaysia vice president Kapitan Dato Lau Sie Lok (left) presenting the financial aid to Elizabeth.

## Family facing financial distress receives RM5,000 from Pertubuhan Kebajikan Amal Shan Xin Malaysia

**KUCHING:** Pertubuhan Kebajikan Amal Shan Xin Malaysia is providing a financial aid of RM5,000 to a family in financial distress.

In a statement, the organisation pointed out that an 18-year-old child, Elizabeth Lim, of the family was also facing difficulties in obtaining citizenship. She is currently studying in Form Six.

The child's father, Lim Giok Lian, was a Malaysian who had passed away last month due to illness and her 41-year-old mother, Amy Lojong, was an Indonesian.


The organisation said multiple attempts were made by the father previously to apply for the child's citizenship but they were

not successful.

To make matter worse, the father was the sole breadwinner of the family who previously worked as a farmer operator at Batu Kawa. As for the mother, she has recently suffered from stroke that resulted in her having difficulties in walking.

As the mother is a housewife, the organisation said the family had lost their source of income after the passing of the father. Staying together with the family was their niece, who is currently studying in Form Three.

The financial aid of RM5,000 will be divided into a monthly contribution of RM500 to the family.



TAJUK :	FIVE MONTHS' JAIL FOR MAN WHO THREATENED MUM WITH MEAT CLEAVER		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	10 OKT 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Five months' jail for man who threatened mum with meat cleaver

**KUCHING:** A man who threatened his mother with a meat cleaver was yesterday sentenced by a magistrates' court here to five months in jail.

Magistrate Zubaidah Sharkawi meted out the

sentence on Awang Jazli Awang Jalal, 24, after he pleaded guilty to a charge of committing criminal intimidation.

The charge was framed under Section 506 of the Penal Code which provides a jail term of up

to seven years or a fine, or both, upon conviction.

He committed the offence at a house in Kampung Semariang Batu here at around 3.01am on June 20, 2023.

Based on the facts of the case,

Awang Jazli's mother heard a loud noise coming from his bedroom and when to check on her son. When she entered his room, the accused wielded a meat cleaver at her and threatened to attack her.

Fearing for her safety, she filed a police report which led to his arrest at around 4am the same day.

Prosecuting was Insp Nur Shafiq Nyaie Ilin, while the accused was unrepresented.



TAJUK :	SENIOR CITIZEN DIES, TWO INJURED IN TWO-VEHICLE COLLISION IN SRI AMAN		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	10 OKT 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Senior citizen dies, two injured in two-vehicle collision in Sri Aman

**KUCHING:** A farmer was killed while two others sustained injuries in a two-vehicle collision at Nanga Klassen intersection in Jalan Sri Aman-Betong yesterday morning.

The deceased was identified as 71-year-old Jeffry Dujin Bansing, who was the driver of one of the cars.

Sri Aman police chief DSP Mathew Manggie said initial


investigation indicated the collision happened after the car driven by the deceased exited a small lane before cutting across the road towards a P-turn.

"The driver of the second car, a teacher aged 32, suffered serious injuries, while the 72-year-old passenger in the deceased's car sustained injuries to both legs," he said in a statement.

He added Jeffry was

pronounced dead at the scene by paramedics, and that police are investigating the case under Section 41(1) of the Road Transport Act 1987.

Meanwhile, the Fire and Rescue Department (Bomba) in a statement said they were notified about the incident at 6.58am and a team from the Sri Aman fire station was rushed to the scene.



TAJUK : WOMAN KILLED, HUSBAND INJURED IN MOTORCYCLE - PICKUP COLLISION

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 10 OKT 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Woman killed, husband injured in motorcycle – pickup collision

**KUCHING:** A woman pillion rider was killed while her husband sustained multiple injuries after their motorcycle was involved in a collision with a pickup truck at KM7 Jalan Lundu-Sematan yesterday morning.

Lundu police chief DSP Damataries Lautin said 61-year-old Natalia Saimah from

Indonesia died at the scene.


"Initial investigation indicated the accident happened after the couple's motorcycle exited the Biawak junction and directly entered the right lane, leading to the collision with the pickup truck," he said in a statement.

He said the motorcycle rider

suffered injuries to his head, legs and arms, while the pickup driver, aged 58, was unhurt.

"The weather at the time was fair and the road was dry and in good condition," he added.

Damataries said the case is being investigated under Section 41 of the Road Transport Act 1987.



TAJUK : MAN CHARGED FOR LEWD REMARKS

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 10 OKT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Man charged for lewd remarks

**MELAKA:** A 31-year-old grass cutter was fined RM2,500 by the Magistrate's Court here for insulting the modesty of a teenage cashier at a convenience shop here.

The accused, Affan Ali, pleaded guilty to the offence before Magistrate Nabilah Nizam yesterday.

The accused reportedly had uttered lewd remarks to a 19-year-old female cashier with the intent to insult her modesty.

His act was captured by the outlet's surveillance camera, which led to his arrest after the cashier lodged a police report.

Affan was said to have committed the offence at the outlet in Jalan Kejora 2A, Tanjung Minyak Industrial Estate, here at 4.14am on Aug 7.

He was charged under Section 509 of the Penal Code, which carries up to two years in jail or a fine or both, upon conviction.



TAJUK : ORANG ASLI TEEN KILLED IN ACCIDENT

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 10 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Orang Asli teen killed in accident


**GUA MUSANG:** An Orang Asli teenager was killed after the motorcycle he was riding crashed into a road divider at KM81 Jalan Gua Musang-Lojing here.

In the 4.15pm incident on Sunday, the 15-year-old victim died on the spot due to severe head injuries.

Gua Musang district police chief Supt Sik Choon Foo said the accident was believed to have occurred when the victim grazed his friend's motorcycle while passing a sharp corner, Bernama reported.

Both motorcyclists, on their way from Gua Musang to Lojing Highlands, were not wearing helmets, he said.

Supt Sik added the other motorcyclist suffered serious injuries after being thrown from his bike.



TAJUK :	ISTERI MAUT, SUAMI CEDERA MOTOSIKAL TERLIBAT KEMALANGAN DENGAN PIKAP		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	10 OKT 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

# Isteri maut, suami cedera motosikal terlibat kemalangan dengan pikap

**KUCHING:** Seorang pembonceng maut manakala suaminya mengalami kecederaan setelah motosikal yang dinaiki pasangan terbabit terlibat dalam kemalangan membabitkan dua kenderaan di Kilometer 7, Jalan Lundu-Sematan, semalam.

Ketua Polis Daerah Lundu DSP Damataries Lautin berkata, mangsa Natalia Saimah, berusia 61 tahun yang berasal dari Indonesia itu disahkan maut di tempat

kejadian.

Menurutnya, kemalangan membabitkan sebuah kenderaan pikap Toyota Hilux dengan motosikal jenis Honda EX5 yang dinaiki mangsa bersama suaminya itu berlaku sekitar jam 10.40 pagi.

“Siasatan awal mendapati, motosikal yang dinaiki penunggang berusia 68 tahun bersama mangsa datang dari arah Biawak menuju ke arah Lundu.

“Kemalangan itu berlaku

apabila motosikal yang dinaiki kedua-dua mangsa dipercayai telah keluar dari simpang Biawak dan terus memasuki lorong kanan tanpa berhenti sebelum dilanggar Toyota Hilux yang berada di lorong kanan jalan terbabit,” katanya dalam kenyataan semalam.


Akibat kemalangan itu, jelasnya penunggang mengalami kecederaan iaitu luka di bahagian kepala, kaki dan tangan manakala pembonceng disahkan maut di tem-

pat kejadian oleh paramedik yang berada di lokasi.

“Pemandu Toyota Hilux iaitu seorang lelaki berusia 58 tahun tidak mengalami sebarang kecederaan,” ujarnya.

Tambahnya, jalan di tempat kejadian adalah kering dan keadaan cuaca baik.

Katanya, kes kemalangan masih dalam siasatan dan akan disiasat di bawah Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan 1987.



TAJUK :	PEMBANTU KATERING UGUT IBU DIPENJARA LIMA BULAN		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	10 OKT 2023	M/SURAT :	01
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Pembantu catering ugut ibu dipenjara lima bulan

**KUCHING:** Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara lima bulan terhadap seorang pembantu catering yang melakukan ugutan jenayah terhadap ibu kandungnya dengan bersenjatakan sebilah pisau pemotong daging, Jun lalu.

Awang Jazli Awang Jalal, 24, mengaku bersalah di hadapan Majistret Zubaidah Sharkawi sebaik dia didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Mengikut pertuduhan, pemuda itu didakwa melakukan kesalahan terbabit terhadap ibunya (pengadu) yang berusia 63 tahun dalam satu kejadian pada 20 Jun 2023, sekitar jam 3.01 pagi di sebuah rumah di Kampung Semariang Batu di sini.

Fakta kes mendedahkan pengadu terdengar bunyi bising dari dalam bilik tertuduh dan ketika pengadu melakukan pemeriksaan, dia melihat tertuduh sedang memegang sebilah pisau pemotong daging.

Tertuduh juga mengacukan pisau tersebut ke arah pengadu dan berkata 'aku nak natak kau' di hadapan seorang adik perempuannya.

Pengadu berasa takut mendengar ugutan tertuduh susulan tertuduh bertindak agresif dan bersenjata pada hari kejadian.

Justeru, pengadu menghubungi polis dan tertuduh ditangkap pada hari sama sekitar jam 4.04 pagi.

Difahamkan, tertuduh sering bertindak agresif di rumah.

Tertuduh tidak diwakili peguam manakala pendakwaan dilakukan pegawai pendakwa Inspektor Nur Shafiq Nyaie Ilin.



TAJUK :	WANITA WARGA EMAS MILIKI WANG SECARA TIDAK SAH DIDENDA		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	10 OKT 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Wanita warga emas miliki wang secara tidak sah didenda

**MIRI:** Seorang wanita warga emas didenda RM500 atau seminggu penjara oleh Mahkamah Majistret semalam atas kesalahan memiliki sejumlah wang yang diperolehi secara tidak sah.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Nazira Adlin

Ahmad Khairul Razi setelah Hamidah Daud, 64, dari Taman Merbok, Melaka mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan kepadanya mengikut Seksyen 37 (1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak).

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara hingga tiga bulan dan denda sehingga RM500 jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah memiliki wang berjumlah RM350 di dalam akaunya


yang diperolehi secara tidak sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 6.45 petang, 29 Ogos 2015 di sebuah bank di Pusat Komersial Boulevard di sini.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu agar

hukuman ke atasnya diringankan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya dan hendak terus pulang ke Melaka hari ini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.



TAJUK :	WARGA EMAS DIDENDA KERANA BERMAIN JUDI DI TEMPAT AWAM		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	10 OKT 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Warga emas didenda kerana bermain judi di tempat awam

**MIRI:** Padah bermain judi di tempat awam, seorang lelaki warga emas didenda RM900 atau seminggu penjara oleh Mahkamah Majistret.

Tan Nyalu, 68, dari Bandar Baru Permyjaya di sini, didakwa mengikut Seksyen 7 (2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 yang

memperuntukkan denda sehingga RM5,000 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh ditahan pada jam 5 petang, 6 Oktober lalu ketika berada di sebuah premis di Jalan Taman Ceria, Bandar Baru Permyjaya di sini


untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat aktiviti perjudian jenis judi dalam talian.

Polis yang melakukan pemeriksaan lanjut ke atas telefon pintar milik tertuduh mendapati ia memaparkan aplikasi judi dalam talian.

Berikutan itu, tertuduh

ditangkap dan telefon bimbitnya dirampas untuk tindakan lanjut.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Nazira Adlin Ahmad Khairul Razi manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.



TAJUK :	WARGA EMAS MAUT DALAM KEMALANGAN DUA KERETA		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	10 OKT 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

# Warga emas maut dalam kemalangan dua kereta

Mangsa maut dikenali sebagai Jeffry Dujin Bansing berusia 71 tahun, pemandu Proton Saga

Oleh Hamkar Sarbinee

KUCHING: Seorang warga emas maut manakala dua lagi mangsa cedera setelah terlibat dalam kemalangan membabitkan dua kereta di simpang Klassen, Jalan Sri Aman/Betong semalam.

Mangsa maut dikenali sebagai Jeffry Dujin Bansing berusia 71 tahun yang merupakan pemandu kenderaan jenis Proton Saga.

Ketua Polis Daerah Sri Aman DSP Matthew Manggi berkata, kejadian berkenaan berlaku sekitar jam 6.50 pagi membabitkan kereta jenis Proton Saga dan Honda Jazz.

"Siasatan awal kemalangan berlaku apabila Proton Saga dinaiki mangsa dan seorang lagi penumpang, 71, keluar secara mengejut dari lorong tepi sebelah kiri hendak masuk ke P-Turn sebelah kanan menuju ke Kampung Klassen sebelum dilanggar kereta jenis Honda Jazz yang bergerak lurus di lorong sebelah kanan.



REMUK: Keadaan kenderaan yang terlibat dalam kemalangan di simpang Klassen, Jalan Sri Aman/Betong, semalam.

"Akibat kemalangan tersebut, kereta dipandu lelaki terbabit diseret ke tepi jalan dan mangsa disahkan

maut di tempat kejadian oleh pihak paramedik Hospital Sri Aman," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambahnya, pemandu kereta jenis Honda Jazz iaitu seorang guru berusia 31 tahun mengalami kecederaan

parah. Jelasnya, cuaca masa kejadian adalah baik, keadaan jalan raya lurus, rata dan

“Siasatan awal kemalangan berlaku apabila Proton Saga dinaiki mangsa dan seorang lagi penumpang, 71 keluar secara mengejut dari lorong tepi sebelah kiri hendak masuk ke P-Turn sebelah kanan menuju ke Kampung Klassen sebelum dilanggar kereta jenis Honda Jazz yang bergerak lurus di lorong sebelah kanan.”

DSP Matthew Manggi  
Ketua Polis Daerah Sri Aman

kering.

Ujarnya, kes disiasat di bawah Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sementara itu, Jurucakap Pusat Gerakan Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak memberitahu, pihaknya menerima laporan kejadian sekitar jam 6.58 pagi.

Menurutnya, sebaik menerima laporan, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan

Penyelamat (BBP) Sri Aman bergegas ke lokasi.

Jelasnya, mayat mangsa telah diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

Dalam pada itu, kerja-kerja pembersihan di lokasi kemalangan telah dilakukan dengan menggunakan aliran salur bantu mula.

"Setelah memastikan keadaan selamat untuk pengguna, anggota seterusnya bergerak balik ke balai," ujarnya.